



## KENYATAAN MEDIA

### USAHA SAMA KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI TERUS DIPERKUKUH DALAM MEXCOE

---

Saya telah mempengerusikan Mesyuarat Menteri-Menteri Alam Sekitar dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang Bertanggungjawab Mengenai Alam Sekitar (MEXCOE) Bilangan 1 Tahun 2025 pada 17 April 2025 di Putrajaya.

Mesyuarat turut dihadiri oleh tujuh orang Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri yang memegang portfolio berkaitan alam sekitar dari seluruh negara serta pegawai-pegawai Kementerian / Jabatan / Agensi yang berkaitan alam sekitar di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Antara yang dipersetujui dalam mesyuarat tersebut ialah pelaksanaan larangan penggunaan beg plastik jinjit sekali guna di Hutan Simpan, Taman Negara/Negeri, Taman Laut serta Tapak Warisan Geologi dan Geotapak di seluruh negara sebagai langkah proaktif dalam mengurangkan pencemaran plastik di negara ini.

Larangan penggunaan beg plastik jinjit ini turut dilaksanakan di premis-premis tetap termasuk di pasaraya, kedai serbaneka, kedai serbaneka stesen minyak, restoran makanan segera, kedai rangkaian, farmasi dan lain-lain premis berkaitan.

Kaedah pelaksanaan akan diperhalusi dan disesuaikan mengikut negeri masing-masing. Langkah ini bertujuan untuk mendidik masyarakat tentang pentingnya penggunaan bahan mesra alam demi kesejahteraan generasi akan datang.

Selain itu, satu usaha sama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri akan diperkukuhkan untuk membanteras aktiviti pemprosesan *e-waste* secara haram di negara ini yang semakin bertambah ekoran kemasukan *e-waste* secara haram dari negara luar.

Tindakan tegas akan diambil terhadap premis-premis haram yang menjalankan aktiviti pemprosesan *e-waste* secara haram di negeri masing-masing. Langkah ini bertujuan untuk memastikan ketegasan dalam penguatkuasaan dan memberi mesej jelas bahawa aktiviti haram tidak akan dikompromi.

Malaysia kekal komited dalam usaha melindungi alam sekitar dan kesejahteraan rakyat daripada ancaman yang dibawa oleh e-waste yang diproses secara haram.

NRES juga menyebarkan Panduan Amalan Hijau Majlis Rumah Terbuka Lestari yang merupakan inisiatif untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan amalan mesra alam sepanjang musim perayaan. Melalui inisiatif ini, Kementerian menyeru semua pihak agar mengadaptasi gaya hidup yang lebih lestari ketika musim perayaan.

Langkah-langkah seperti mengurangkan penggunaan plastik, mengelakkan pembaziran dan menggalakkan pengurusan sisa yang lestari bukan sahaja membantu memelihara alam sekitar tetapi juga mencerminkan tanggungjawab kita sebagai masyarakat yang prihatin terhadap kelestarian bumi.

Mesyuarat MEXCOE ini mencerminkan komitmen semua pihak dalam memastikan alam sekitar terus dipelihara dan dipulihara. NRES positif bahawa keputusan-keputusan yang dicapai di dalam mesyuarat hari ini akan memberi impak positif kepada ekosistem negara dan meletakkan Malaysia sebagai contoh negara yang serius dalam menangani cabaran alam sekitar global.

NRES komited sepenuhnya untuk memastikan kelestarian alam sekitar melalui pelaksanaan dasar dan inisiatif yang berimpak tinggi. Sebagai teras utama, Kementerian akan terus memperkukuhkan kerjasama dengan semua pihak berkepentingan termasuk Kerajaan Negeri, sektor swasta dan masyarakat dalam menerapkan amalan lestari serta memperkasakan kesedaran awam terhadap tanggungjawab bersama dalam menjaga alam sekitar.

**NIK NAZMI NIK AHMAD**  
**MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**  
**18 APRIL 2025**

